

Masalah penagihan dadah hari ini begitu dinamik dan kompleks bukan sahaja dengan peningkatan bilangan dan pengulangannya akan tetapi juga dari segi jenis serta kesan dan akibatnya yang di luar jangkaan. Kaedah pencegahan dan kepulihan baru yang holistik dan komprehensif dengan kelainan tindakan dan pendekatan perlu dikaji dan dimantapkan agar dapat dipertingkatkan keberkesanannya. Kata Cek Det 20 Mei 2003- 'Our law are strict but people still break the law. Only the inculcation of good values will prevent our children from the evil of drugs. Impress upon our children that drug abuse will rob them their LIFE'. Kata Pak Lah ' kita gagal dalam menangani masalah penagihan dadah. Kita perlu mengkaji semula cara menangani masalah penagihan dadah '. Bagi mengatasi masalah dadah masakini, DiC Pahang melaksanakan program dan aktiviti pencegahan dan pemulihan melalui 3 komponen utama iaitu Pencegahan, Pemulihan dan Pencegahan Penagihan Semula.